

Pemuda diminta beri taklimat

KUALA LUMPUR, Jumaat — Semua Ketua, Naib Ketua dan Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian akan diminta memberi taklimat mengenai persiapan dan masalah masing-masing dalam menghadapi kemungkinan pilihanraya umum tidak lama lagi.

Taklimat kepada Exco Pemuda itu akan diadakan di Kuala Lumpur pada 16 Mac.

Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin, berkata, Exco Pemuda kemudian akan mengemukakan laporan mengenai persiapan pergerakan tersebut kepada Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Musa Hitam.

Bagaimanapun, tarikh pertemuan ahli-ahli exco itu dengan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa belum ditetapkan tetapi pihak Exco berharap seelok-eloknya dapat diadakan serentak.

Datuk Haji Suhaimi memberitahu para pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda UMNO di ibu pejabat parti di sini semalam.

Datuk Haji Suhaimi juga memberitahu bahawa perhimpunan agung Pemuda UMNO Malaysia akan diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada 17 Jun.

Sebagai persediaan menghadapinya, mesyuarat Exco Pemuda hari ini menubuhkan jawatankuasa penapis usul dan jawatankuasa ucapan dasar Ketua Pemuda.

Jawatankuasa pertama dipengerusikan oleh Naib Ketua Pemuda UMNO, Datuk Mokhtar Hashim dan lima orang anggotanya ialah Datuk Sharir Samad, Encik Abdul Rahim Thamby Chik, Megat Junid bin Megat Ayob, Encik Abdul Hadi Abu Hassan dan Encik Mazlan Harun.

Diterima

Datuk Haji Suhaimi pula mempengerusikan jawatankuasa ucapan dasar Ketua Pemuda dan lima orang ahlinya terdiri daripada Datuk Najib Tun Razak, Encik Hussin Mahmud, Encik Ajib Haji

Ahmad, Ustaz Dasuki Haji Ahmad dan Encik Mohamad Nazri Tan Sri Aziz Yeop.

Ditanya tentang kemungkinan berlaku perebutan jawatan Ketua Pemuda UMNO dalam perhimpunan kali ini, Datuk Haji Suhaimi berkata, adalah terlalu awal untuk membuat ulasan.

Katanya, kertas pencalonan untuk jawatan itu dan lain-lain jawatan UMNO belum diterima oleh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustafa Jabar dari bahagian-bahagian.

Datuk Haji Suhaimi berkata, ketika ini minat Pemuda lebih kepada persiapan jentera pilihanraya parti untuk pilihanraya umum akan datang.

Bagi perhimpunan itu kelak, setiap bahagian akan menghantar tiga orang wakil dan diberikan tiga undi.

Mengikut peraturan, tiada had umur dikenakan bagi calon ketua tetapi calon-calon untuk jawatan dalam Exco Pergerakan itu mestilah berusia 40 tahun ke bawah. — Bernama.